

# SOROTAN KAJIAN ANTROPOLOGI BUDAYA MASYARAKAT MELAYU DI KELANTAN

## *A REVIEW OF CULTURAL ANTHROPOLOGY STUDIES ON THE MALAY COMMUNITY IN KELANTAN*

**YANG Fan<sup>1</sup>**

**Shafa'atussara SILAHUDIN\*<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>School of Sociology & Anthropology, Sun Yat-sen University, Guangzhou, China

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

dahliayf@gmail.com

syafasara@um.edu.my

Corresponding author\*

*Received: 24<sup>th</sup> May 2024*

*Accepted: 20<sup>th</sup> August 2024*

### **ABSTRAK**

Artikel ini bertujuan untuk menganalisis kajian lepas dalam bidang antropologi budaya yang telah dilakukan di negeri Kelantan. Objektif kajian ini adalah untuk memberi gambaran keseluruhan terhadap tema utama yang dikaji dalam bidang antropologi budaya di Kelantan serta mengenal pasti kekurangan dalam kajian terdahulu dan cadangan bagi penyelidikan masa depan. Permasalahan kajian ini ialah jurang pengetahuan lantaran perkembangan terbaharu yang belum dikaji dalam literatur yang sedia ada. Pendekatan ini justeru mengenal pasti isu yang memerlukan penelitian lanjut untuk menghasilkan pemahaman yang menyeluruh. Kajian ini mendapati terdapat empat tema utama yang diberi perhatian. Ini meliputi struktur sosial dan ekonomi, adat-istiadat masyarakat Melayu di Kelantan, kesenian tradisi, dan hubungan dan integrasi budaya antara etnik yang berbeza di Kelantan. Kajian ini menggariskan keistimewaan negeri Kelantan dari segi ekonomi, perkembangan politik, budaya, adat-istiadat, gaya hidup, hubungan etnik dan dialek. Dapatan kajian juga menunjukkan masyarakat Melayu Kelantan dapat menyesuaikan diri menghadapi cabaran moden meskipun masih mengekalkan budaya tradisi. Daya penarik bagi penyelidik tempatan dan antarabangsa menjalankan kajian dalam bidang antropologi budaya di Kelantan ialah negeri ini kaya dengan sumber sejarah, budaya dan warisan masyarakat yang berbeza dari negeri-negeri lain di Malaysia. Kajian ini menegaskan kepentingan pemahaman mendalam terhadap elemen budaya dan sosial yang bukan sahaja menambah kepada literatur antropologi budaya tempatan, malah memberi manfaat dalam memahami kerencaman

budaya masyarakat Melayu. Negeri Kelantan menawarkan konteks penyelidikan yang kaya dengan nilai budaya yang tidak hanya menarik bagi kajian akademik tetapi berguna untuk merangka dasar yang menyokong pemeliharaan budaya tempatan.

**Kata kunci:** antropologi; adat-istiadat; hubungan etnik; Kelantan; Melayu

### **ABSTRACT**

This article aims to analyze previous studies in the field of cultural anthropology conducted in Kelantan. The objective of this study is to provide an overview of the main themes explored in the field of cultural anthropology in Kelantan, as well as to identify gaps in previous research and offer recommendations for future studies. The research problem addressed is the knowledge gap due to recent developments that have not been examined in the existing literature. This approach thus identifies issues that require further exploration to produce a comprehensive understanding. The study finds that four main themes have been the focus of attention: social and economic structures, Malay customs and traditions, traditional arts, and cultural relations and integration among different ethnic groups in Kelantan. The research outlines Kelantan's uniqueness in terms of its economy, political development, cultural, customs, lifestyle, ethnic relations, and dialect. The findings also show that the Malay community in Kelantan has adapted to modern challenges while maintaining traditional culture. Kelantan's appeal for local and international researchers to conduct studies in cultural anthropology lies in its richness in historical, cultural, and heritage resources, which differ from other states in Malaysia. This study emphasizes the importance of an in-depth understanding of cultural and social elements, which not only contributes to the local cultural anthropology literature but also provides benefits in understanding the cultural diversity of Malay society. Kelantan offers a research context rich in cultural values that is not only attractive for academic inquiry but also useful for formulating policies that support the preservation of local culture.

**Keywords:** anthropology; customs; ethnic relations; Kelantan; Malay

## Pengenalan

Kelantan Darul Naim merupakan negeri yang terletak di pantai timur, Semenanjung Malaysia yang berkeluasan 15,040 km<sup>2</sup><sup>①</sup>. Berdasarkan perangkaan demografi mengikut negeri yang diterbitkan oleh Jabatan Statistik Malaysia bahawa pada suku tahun kedua 2024, jumlah bilangan penduduk di Kelantan adalah 1,888.5 ribu orang<sup>②</sup>. Kelantan bersempadan dengan Thailand di bahagian utara, Terengganu serta Pahang di bahagian timur dan selatan, manakala Perak di bahagian barat. Lokasi geografinya yang strategik menjadikan Kelantan sebagai pintu masuk penting pertukaran budaya dan perdagangan antara Malaysia dan Thailand, serta hubungan sejarah dengan alam Melayu dan dunia Islam yang lebih luas. Kelantan juga terkenal dengan warisan budaya dan amalan seni tradisional seperti wayang kulit, dikir barat dan mak yong, serta kepentingan agama Islam dalam kehidupan harian masyarakatnya.

Dari segi kajian antropologi budaya, Kelantan menawarkan pelbagai dimensi untuk diteroka oleh para sarjana. Negeri ini penting sebagai tapak untuk memahami dinamik identiti etnik dan budaya Melayu. Masyarakat di Kelantan teguh berpegang kepada tradisi yang dapat dilihat dalam seni, bahasa dan adat resam. Namun pada masa yang sama, mereka berhadapan dengan cabaran globalisasi dan pemodenan, menjadikan kajian terhadap adaptasi sosial di negeri ini sangat relevan.

Agama Islam menjadi fokus utama dalam kajian antropologi budaya di Kelantan (Kessler, 1978). Islam bukan sahaja menjadi tunjang kehidupan masyarakat Melayu, malah dijadikan panduan dalam urusan politik, sosial dan budaya. Sinonim dengan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), Kelantan dijadikan contoh utama dalam pengkajian interaksi politik dan Islam dalam masyarakat. Hal yang demikian menyangkut bagaimana agama membentuk identiti masyarakat dalam arus pemodenan dan bagaimana pemimpin agama mempengaruhi politik tempatan (Nash, 1977). Jantina dan struktur sosial juga merupakan aspek penting dalam kajian antropologi budaya di Kelantan. Peranan wanita dalam masyarakat dan keluarga sangat jelas terutama dalam bidang ekonomi kecil seperti perniagaan dan industri kraf tangan (Ishak, 1999). Kajian antropologi budaya menyoroti perkembangan peranan wanita dalam konteks Islam konservatif dan cabaran sosial yang dihadapi mereka termasuk perubahan peranan jantina akibat perubahan ekonomi sosial dan pendidikan.

Kelantan juga menjadi wilayah yang kaya bagi tujuan kajian hubungan etnik, transnasional dan migrasi. Kedudukan negeri ini yang bersempadan dengan Thailand membuka ruang untuk memahami bagaimana hubungan rentas sempadan memberi kesan kepada ekonomi tempatan, mobiliti penduduk dan penyebaran budaya. Kajian-kajian mengenai migrasi buruh, perkahwinan rentas sempadan dan pertukaran budaya antara masyarakat Melayu Kelantan dan masyarakat Melayu di selatan Thailand dan juga masyarakat berketurunan Siam menjadi antara topik penting yang diberi perhatian oleh para sarjana antropologi budaya.

Kajian antropologi budaya dalam konteks amalan kesenian tradisi seperti wayang kulit, dikir barat, mak yong dan perubatan tradisional Melayu di Kelantan menumpukan bagaimana kesenian tradisi ini diadaptasi pada era moden. Penumpuan dilakukan ke atas kerja-kerja

---

<sup>①</sup> "Tinta Bicara Hari Malaysia: Kenali Negeri Kelantan", laman web rasmi Majlis Keselamatan Negara", <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2022/09/07/tinta-bicara-hari-malaysia-kenali-negeri-kelantan/>, dilawat pada 1 Oktober, 2024.

<sup>②</sup> "Perangkaan Demografi, Suku Kedua 2024", laman web rasmi Kementerian Ekonomi Jabatan Perangkaan Malaysia, <https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/demographic-statistics-second-quarter-2024>, dilawat pada 1 Oktober, 2024.

pemeliharaan kesenian tradisi dalam bentuk persembahan sesuai dengan keperluan dan konteks semasa atau berlandaskan nilai Islam. Ini juga menyangkut kepada pengadaptasian kesenian tradisional melalui integrasi pendidikan dan promosi budaya.

Dengan semua faktor tersebut memperlihatkan Kelantan sebagai negeri yang unik untuk dikaji mengenai interaksi antara tradisi, agama dan pemodenan masyarakat Melayu serta hubungan antara pelbagai etnik. Kajian antropologi budaya di Kelantan bukan sahaja membuka ruang kepada penyelidik untuk melihat perspektif identiti etnik dan agama, tetapi memahami cabaran serta dinamik sosial yang dihadapi oleh masyarakat yang berada di persimpangan sejarah, agama dan perubahan global.

### **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan tinjauan literatur sistematik dengan mengumpul dan menganalisis data daripada kajian antropologi budaya yang telah dijalankan di Kelantan. Tinjauan literatur merupakan kaedah penyelidikan kualitatif yang berasaskan pengumpulan data dari kajian-kajian terdahulu. Tinjauan literatur sistematik bertujuan memberi gambaran menyeluruh mengenai perkembangan sejarah, tema utama serta cabaran dan peluang penyelidikan dalam bidang antropologi budaya di Kelantan.

Kajian ini melibatkan usaha pencarian sumber primer dan sekunder dari era penjajahan British hingga kajian kontemporari. Pemilihan sumber yang dirujuk dilakukan berdasarkan beberapa kriteria utama yang melibatkan tumpuan geografi, aspek sosial, ekonomi, adat istiadat, hubungan etnik dan seni tradisional. Yang demikian adalah untuk mendapatkan gambaran perkembangan kronologi kajian antropologi di negeri ini.

Setelah data dikumpulkan, proses analisis berstruktur dilakukan bagi memahami perkembangan dan tema utama kajian antropologi budaya di Kelantan. Proses pertama melibatkan pengenalpastian tema. Data dikategorikan berdasarkan beberapa tema besar termasuk antropologi struktur ekonomi, adat-istiadat Melayu, seni budaya tradisional, hubungan etnik dan integrasi budaya. Data dianalisis untuk mengenal pasti pola-pola penyelidikan dan tema.

Proses kedua melibatkan analisis kronologi dan konteks sejarah. Pendekatan kronologi digunakan bagi menganalisis kajian-kajian terdahulu. Kajian awal yang menumpukan perkara adat istiadat dan struktur sosial masyarakat Melayu Kelantan diinterpretasikan dalam konteks pengaruh orientalis dan pandangan kolonial. Seterusnya, kajian pasca-kolonial dianalisis dari perspektif perubahan sosial politik terutama selepas Malaysia mencapai kemerdekaan. Kajian kontemporari yang mengangkat tema globalisasi, migrasi dan perubahan budaya turut dianalisis.

Proses ketiga melibatkan perbandingan antara kajian tempatan dan antarabangsa. Kaedah perbandingan digunakan untuk mengkaji perbezaan antara tulisan sarjana tempatan dan luar negara. Tulisan sarjana tempatan menumpukan kepada isu-isu sosial politik dan agama yang lebih dekat dengan masyarakat Kelantan, manakala sarjana luar negara cenderung melihat Kelantan dari perspektif yang lebih luas seperti hubungan negeri ini dengan Thailand atau perubahan budaya antara etnik tempatan dalam konteks globalisasi.

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### Perkembangan kajian antropologi di Kelantan

Kajian antropologi budaya di Kelantan telah berkembang melalui beberapa fasa penting, dengan setiap fasa mencerminkan perkembangan akademik dan latar belakang sosio-politik yang berbeza. Sejarah penyelidikan antropologi budaya di negeri ini dapat ditelusuri sejak zaman pemerintahan British.

#### a) Penyelidikan pada era penjajahan dan pasca penjajahan

Kajian antropologi budaya di Kelantan pada era pemerintahan British menumpukan perhatian kepada aspek etnik dan budaya masyarakat. Penyelidikan pada era ini biasanya bersifat deskriptif dengan penekanan diberikan terhadap pengumpulan data mengenai adat Melayu, sistem kekerabatan, undang-undang adat (hukum kanun) serta hubungan ekonomi dalam komuniti luar bandar.

Wilkinson (1957) dan Roff (1974) menyentuh mengenai dinamik politik dan budaya Melayu. Firth (2002) dan Firth (2020) menjalankan kerja lapangan di Negeri Kelantan pada tahun 1930-an. Mereka menumpukan tentang pola ekonomi dan kehidupan domestik masyarakat Melayu dalam sektor pertanian dan perikanan (Firth, 2002). Kajian mereka bertujuan untuk menambah pemahaman tentang struktur sosial, ekonomi dan adat resam tempatan. Meskipun begitu, tulisan-tulisan pada era ini terhad yang mana bersandarkan pandangan orientalis yang kurang menggali isu-isu seperti dinamik kuasa dan hubungan antara etnik.

Selepas Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, kajian antropologi budaya di Kelantan adalah mengenai negeri ini daripada perspektif Thailand dan tempatan (Roff, 1974) yang melibatkan penyelidik barat seperti Raymond Firth, Clive S. Kessler, Manning Nash, Douglas Raybeck, William R. Roff, Robert L. Winzeler dan David K. Wyatt. Tulisan-tulisan mereka diimbangi oleh penyelidik-penyelidik kelahiran Kelantan seperti Abdullah Al-Qari bin Haji Salleh, Abdul Rahman bin Haji Muhammad Al-Ahmadi, Ibrahim Nik Mahmood, Mohamed bin Nik Mohd Salleh, Muhammad Salleh bin Haji Wan Musa dan Sayyid Othman bin Sayyid Omar (Othman Kelantan). Tulisan mereka bersifat reflektif dan kritikal mengenai perubahan dalam struktur sosial, pendidikan dan ekonomi masyarakat luar bandar dengan kehadiran PAS sebagai parti politik dominan di Kelantan.

#### b) Penyelidikan kontemporari

Kajian antropologi budaya di Kelantan dalam dekad kebelakangan ini telah berkembang dalam konteks globalisasi, migrasi dan perubahan budaya (Ghazali, 2000; Nawawi, 2000; Nik Mustapha, 2002; Mohd Ali, 2024). Hubungan rentas sempadan antara Kelantan dan selatan Thai dalam perdagangan, migrasi buruh dan perkahwinan campur merupakan tema yang mendapat perhatian para penyelidik. Kajian yang mengangkat tema ini membuka ruang untuk memahami bagaimana masyarakat Melayu di Kelantan menyesuaikan diri dengan perubahan

ekonomi dan politik serantau selain pembentukan identiti budaya menerusi hubungan dengan masyarakat Thai.

Seni persembahan kesenian tradisi menjadi fokus penting yang menyangkut dalam konteks usaha pemuliharaan kesenian tradisi dalam pada menghadapi perubahan sosial (Awang, 2003; Abdul Hamid, 2014; Rahman, 2016; Hassan, 2018; Omar, 2020; Ahmad, 2020). Kajian antropologi budaya juga turut meneliti peranan dan status sosial jantina dalam masyarakat tempatan dengan tumpuan diberi kepada bagaimana wanita di Kelantan mengambil peranan aktif dalam ekonomi kecil-kecilan, perniagaan dan pengurusan keluarga (Tuan Ludin, 1983; Hasbulah, 1998; Ibrahim, 2004).

### **Tema-tema kajian antropologi budaya**

Empat tema telah diketengahkan dalam kajian antropologi di Kelantan iaitu struktur sosial dan ekonomi, adat-istiadat, seni budaya dan hubungan etnik. Berikut adalah pecahan dan perbincangan setiap tema.

#### **a) Kajian antropologi budaya struktur sosial dan ekonomi**

Kajian antropologi budaya mengenai struktur ekonomi di Kelantan memberi gambaran tentang bagaimana masyarakat tempatan mengurus sumber daya ekonomi mereka dalam konteks adat, agama dan kehidupan sosial. Kelantan terkenal dalam sektor ekonomi pertanian terutama penanaman padi dan getah. Padi merupakan sumber kehidupan utama penduduk luar bandar. Kajian antropologi yang dilakukan oleh Firth (2002) menggunakan pendekatan etnografi telah mendokumentasi sistem pertanian tradisional di Kelantan dengan memberi tumpuan kepada struktur sosial dan ekonomi masyarakat. Beliau mengkaji bagaimana masyarakat mengatur sistem tanah, pengeluaran padi dan aktiviti ekonomi lain dalam konteks sosial dan budaya yang lebih besar. Beliau menganalisis aktiviti ekonomi yang bukan hanya sebagai transaksi ekonomi tetapi sebagai sebahagian daripada keseluruhan sistem sosial yang lebih besar yang melibatkan adat resam, nilai-nilai kebudayaan dan agama. Kajian tersebut memperlihatkan bagaimana ekonomi pertanian di negeri ini sangat berkait rapat dengan struktur sosial dan budaya Melayu. Firth menekankan sistem ekonomi tidak dapat dipisahkan dari konteks sosial dan agama. Kajian ini menunjukkan bagaimana masyarakat tradisional mengatur sumber ekonomi dalam cara yang berbeza daripada ekonomi kapitalis moden.

Pada masa yang sama, Firth (2020) telah menjalankan kajian antropologi budaya di negeri ini dengan memfokuskan kepada aspek kehidupan domestik dan sosial wanita di Kelantan. Menggunakan kaedah etnografi, beliau mengkaji pengurusan rumah tangga, peranan wanita dalam keluarga dan ekonomi, serta tanggungjawab dalam menjaga anak dan kebajikan keluarga. Beliau berinteraksi dengan wanita-wanita Melayu dan memerhati bagaimana mereka menguruskan kehidupan seharian dalam konteks adat dan tradisi Melayu. Ini termasuk pengurusan sumber makanan, pemeliharaan anak-anak dan tanggungjawab sosial yang dimainkan oleh wanita dalam masyarakat. Firth memberikan wawasan yang berharga tentang peranan wanita Melayu dalam struktur ekonomi domestik. Walaupun peranan wanita dalam masyarakat Melayu sering dilihat sebagai bersifat domestik, mereka memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan ekonomi keluarga (Mat Yunus,

1977). Wanita di Kelantan tidak hanya terlibat dalam pekerjaan rumah tangga tetapi pengurusan ekonomi keluarga secara keseluruhan seperti urusan jual beli di pasar, pertanian kecil-kecilan dan pengurusan kewangan keluarga.

Kajian Firth (2002) dan Firth (2020) memberi gambaran tentang struktur ekonomi dan kehidupan domestik masyarakat Melayu Kelantan pada awal abad ke-20. Kedua-dua kajian ini saling melengkapi dalam memberi maklumat yang lebih luas tentang kehidupan masyarakat Melayu Kelantan pada masa itu. Kajian mereka kekal relevan sebagai rujukan penting dalam kajian antropologi di Malaysia, terutama untuk memahami bagaimana adat resam, agama dan ekonomi berperanan dalam mengatur kehidupan masyarakat Melayu Kelantan.

Beberapa penyelidik lain turut melihat konteks yang sama. Ab. Ghani (1992) misalnya membincangkan kemiskinan dalam kalangan petani padi di Kampung Surau, Pasir Puteh, Kelantan pada akhir abad ke-20. Hussain (1989) menyentuh mengenai peranan wanita Kelantan dan perekonomian mereka. Ekonomi subsisten dalam pertanian Kelantan menjelaskan bagaimana masyarakat tempatan menghasilkan makanan untuk kegunaan sendiri selain sebahagiannya dijual di pasar tempatan. Dalam konteks ini masyarakat luar bandar di Kelantan kurang bergantung kepada ekonomi pasaran moden. Mereka lebih bergantung kepada sumber daya yang dihasilkan secara tempatan, selaras dengan keperluan kehidupan mereka yang sederhana dan adat resam Melayu.

Kelantan juga terkenal dengan ekonomi informal yang berkembang pesat. Ramai penduduknya terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan di luar sektor formal. Ini termasuk menjual kuih-muih, kraf tangan, pakaian dan makanan di jalanan atau di pasar malam. Perekonomian informal sangat berhubung rapat dengan kekeluargaan dan sosial. Ramai peniaga menguruskan perniagaan bersama ahli keluarga. Ini mencerminkan sifat kolektif ekonomi di Kelantan. Arfin (1990) meneliti peniaga-peniaga kecil di sempadan Rantau Panjang, Kelantan. Dalam kajiannya, Arfin menunjukkan perniagaan kecil boleh diuruskan dan diteruskan dalam kalangan masyarakat tempatan. Ini menunjukkan bahawa ekonomi informal memainkan peranan penting dalam ekonomi Kelantan dari dahulu lagi.

#### b) Kajian antropologi budaya adat-istiadat masyarakat Melayu di Kelantan

Kajian antropologi budaya adat-istiadat di Kelantan menekankan peranan adat, budaya dan agama dalam kehidupan sosial masyarakat. Mereka berpegang kuat pada adat resam Melayu dan Islam. Hal yang demikian menjadikan kajian tentang adat-istiadat Kelantan sebagai bidang yang kaya dan penting. Adat-istiadat di Kelantan bukan sahaja melibatkan aspek-aspek kehidupan sehari-hari tetapi mencerminkan identiti budaya yang unik. Tema adat-istiadat sentiasa menjadi tajuk pilihan bagi kajian antropologi budaya di Kelantan. Sistem kekeluargaan dan adat perkahwinan menjadi tumpuan. Dalam masyarakat Melayu, perkahwinan bukan sahaja dilihat sebagai penyatuan antara dua individu tetapi sebagai penyatuan antara dua keluarga besar. Kajian mendapati bahawa adat perkahwinan di Kelantan kaya dengan ritual tradisional seperti majlis akad nikah, bersanding dan adat menjemput tetamu.

Di Kelantan, perkahwinan melibatkan adat resam yang diwarisi turun-temurun termasuk adat mempersiapkan hantaran, menyusun adat istiadat pernikahan serta mengatur perhubungan antara keluarga pengantin lelaki dan perempuan. Ahli antropologi mendapati perkahwinan di Kelantan mengekalkan banyak unsur tradisi Melayu, walaupun beberapa

amalan telah berubah akibat pengaruh moden. Nawawi (2000) misalnya membincangkan mas kahwin dan hantaran masyarakat Melayu di Pasir Mas, Kelantan. Lai (1997) pula dalam kajiannya melihat status wanita dan adat-istiadat perkahwinan masyarakat Cina di Kelantan.

### c) Kajian antropologi budaya kesenian tradisional

Kajian antropologi budaya mengenai seni tradisi di Kelantan memberi sumbangan besar dalam memahami nilai-nilai budaya, identiti masyarakat dan perubahan sosial. Kelantan terkenal sebagai pusat seni budaya Melayu tradisional seperti wayang kulit, mak yong, dikir barat, wau bulan dan menora.

Wayang kulit merupakan teater bayangan yang menggunakan boneka kulit yang mengetengahkan cerita mitos, legenda dan cerita epik seperti Hikayat Seri Rama yang diadaptasi dari epik Ramayana. Wayang kulit bukan sekadar hiburan, tetapi berfungsi sebagai medium pendidikan, penerangan agama dan nasihat moral. Penyelidik yang menjalankan kajian tentang wayang kulit menekankan peranan tok dalang (pencerita utama) yang bukan sahaja menggerakkan boneka-boneka kulit tetapi juga memikul tanggungjawab besar menyampaikan mesej moral kepada penonton. Tok dalang menggabungkan unsur tradisi dengan isu-isu semasa. Ini menjadikan persembahan wayang kulit relevan dengan keadaan sosial dan politik terkini.

Wayang kulit di Kelantan mengalami pengaruh moden dan agama. Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, terdapat beberapa percubaan untuk melarang persembahan wayang kulit di Kelantan atas alasan kesenian tradisi ini bertentangan dengan ajaran Islam (Kessler, 1978). Namun begitu, usaha untuk mengekalkan wayang kulit sebagai warisan budaya tradisional masih giat dijalankan. Tambahan pula, kajian antropologi budaya menggariskan kepentingan pemeliharaan wayang kulit sebagai sebahagian daripada identiti budaya Melayu Kelantan.

Mak yong merupakan seni persembahan tradisional yang menggabungkan elemen lakon, tari dan nyanyian. Mak yong dipercayai berasal dari istana Kelantan pada abad ke-16. Kesenian ini dihubungkan dengan upacara pemulihan yang dikenali sebagai main puteri. Mak yong berkait rapat dengan elemen semangat dan perubatan tradisional masyarakat Melayu. Persembahan mak yong adalah sebahagian daripada upacara menyembuhkan penyakit atau menolak bala. Tokoh utama dalam persembahan ini dikenali sebagai peran yang memainkan peranan penting dalam menyampaikan mesej moral dan sosial kepada penonton. Walaupun UNESCO telah mengiktiraf mak yong sebagai Warisan Budaya Tidak Ketara yang memerlukan perlindungan, mak yong menghadapi cabaran besar. Seperti wayang kulit, mak yong juga mendapat tentangan kerana pengaruhnya yang dikatakan bercanggah dengan ajaran Islam. Kajian antropologi tentang mak yong menekankan bagaimana seni tradisi ini terperangkap antara usaha pemeliharaan budaya dan desakan untuk memodenkan atau menghapuskan unsur-unsur yang dianggap bertentangan dengan agama.

Dikir barat merupakan seni tradisi yang sangat popular di Kelantan yang mana melibatkan nyanyian beramai-ramai dan diiringi muzik tradisional. Seni kata nyanyiannya adalah pantun. Persembahan dikir barat dipimpin oleh tukang karut yang bertanggungjawab mencipta pantun secara spontan. Kajian antropologi mendapati bahawa dikir barat berfungsi bukan sahaja sebagai hiburan, tetapi juga sebagai alat untuk menyampaikan nasihat moral, kritik



sosial dan sejarah lisan. Tukang karut menggunakan pantun untuk mengulas isu-isu semasa seperti politik, ekonomi dan sosial. Kekuatan dikir barat terletak pada kemampuan untuk berkomunikasi dengan masyarakat dalam bentuk yang santai dan berirama, sambil menyampaikan mesej-mesej penting. Walaupun seni ini berhadapan dengan perubahan akibat pengaruh budaya moden, ia masih kekal relevan sebagai simbol warisan budaya Kelantan.

Wau bulan adalah permainan tradisi layang-layang yang dihiasi corak-corak indah. Permainan wau bulan masih diamalkan secara meluas di Kelantan dan dikaitkan dengan perayaan tempatan. Wau bulan bukan sahaja satu bentuk hiburan tetapi melambangkan hubungan masyarakat dengan alam semula jadi. Kajian menunjukkan wau bulan menjadi simbol status sosial dan kebanggaan komuniti. Pertandingan wau bulan diadakan setiap tahun di Kelantan. Para peserta menunjukkan kebolehan dalam membuat dan menerbangkan wau bulan. Bagi masyarakat Kelantan, wau bulan melambangkan perpaduan, kerjasama dan keindahan tradisi yang masih dijaga hingga kini.

Menora merupakan teater tari yang berasal dari budaya Siam tetapi telah diadaptasi oleh masyarakat Melayu Kelantan. Melibatkan elemen lakon, tari dan nyanyian, menora dipersembahkan semasa perayaan keagamaan dan acara khas. Kajian antropologi mengenai menora menunjukkan bahawa seni ini menjadi contoh bagaimana asimilasi budaya berlaku di Kelantan. Walaupun asal usulnya dari masyarakat Thai, menora telah diubah suai mengikut elemen Melayu Kelantan. Menora menggabungkan unsur-unsur kepercayaan agama dan ritual dengan seni persembahan, menjadikannya simbol pertembungan budaya yang unik di rantau ini.

Rumusannya, kajian antropologi budaya seni tradisi di Kelantan menyajikan pandangan mendalam mengenai bagaimana masyarakat mengekalkan dan menyesuaikan kesenian tradisi dalam menghadapi perubahan sosial dan agama. Wayang kulit, mak yong, dikir barat, wau bulan dan menora mencerminkan identiti budaya Melayu Kelantan yang kaya dengan tradisi namun berhadapan dengan cabaran pemodenan dan pengaruh agama. Kajian-kajian di atas menunjukkan walaupun seni tradisi di Kelantan menghadapi cabaran besar, usaha memelihara dan menghidupkan semula warisan budaya ini masih giat dijalankan.

#### d) Kajian antropologi budaya hubungan dan integrasi antara pelbagai etnik

Kajian antropologi budaya hubungan dan integrasi pelbagai etnik di Kelantan menyajikan pandangan mendalam tentang dinamik sosial dan hubungan etnik yang kompleks. Kelantan merupakan negeri yang didominasi oleh masyarakat Melayu yang dikelilingi oleh komuniti Siam, Cina, Orang Asli dan minoriti etnik lain. Walaupun masyarakat Melayu membentuk majoriti, interaksi dan asimilasi antara pelbagai etnik berlaku dalam pelbagai aspek kehidupan sosial, budaya dan ekonomi. Arifin (1975) misalnya membincangkan mengenai integrasi dan asimilasi di bandar Tumpat, Kelantan. Beliau menggambarkan bagaimana hubungan yang rapat antara pelbagai kaum di daerah ini.

Kelantan mempunyai komuniti Siam yang signifikan. Komuniti Siam tinggal di kawasan sempadan dan pedalaman seperti Tumpat dan Pasir Mas sejak sekian lama dan mempunyai hubungan yang panjang dengan masyarakat Melayu (Nash, 1972). Walaupun masyarakat Siam mengekalkan identiti budaya dan agama Buddha, integrasi dan asimilasi berlaku antara

mereka dan masyarakat Melayu Kelantan. Terdapat toleransi agama yang tinggi antara kedua-dua etnik. Masyarakat Siam dan Melayu berkongsi kawasan perkampungan, pasar dan aktiviti harian. Walaupun terdapat perbezaan bahasa, agama dan budaya, hubungan sosial antara mereka adalah harmoni (Cushman, 1993).

Masyarakat Siam mengambil bahagian dalam aktiviti kebudayaan Melayu dan sebaliknya. Masyarakat Melayu menghormati amalan agama dan adat Siam. Penggunaan bahasa Melayu oleh masyarakat Siam menjadi salah satu bentuk asimilasi budaya yang ketara. Perkahwinan campur antara masyarakat Melayu dan Siam menjadi medium penting dalam memperkukuh hubungan sosial. Walaupun perkahwinan campur berlaku, masyarakat Siam masih mengekalkan elemen-elemen penting dalam budaya mereka terutama berkaitan dengan upacara keagamaan dan perayaan seperti perayaan Songkran.

Kajian antropologi budaya mengenai hubungan antara masyarakat Melayu dan masyarakat Cina juga diberi perhatian (Winzeler, 1985; Koo, 1987). Meskipun komuniti Cina di Kelantan lebih kecil berbanding di negeri-negeri lain di Malaysia, mereka memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan terutama dalam sektor perdagangan. Seperti di negeri-negeri lain, masyarakat Cina di Kelantan terlibat dalam sektor peruncitan, perdagangan dan industri kecil-kecilan. Kajian antropologi menunjukkan bahawa hubungan antara masyarakat Melayu dan masyarakat Cina di Kelantan agak unik.

Menurut Tan (1982), masyarakat Cina di Kelantan mengalami tahap asimilasi yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Sebagai contoh, masyarakat Cina di Kelantan menjadikan bahasa Melayu dialek Kelantan sebagai bahasa utama. Mereka juga melibatkan diri dalam budaya tempatan seperti dikir barat. Penyesuaian ini telah membantu mengurangkan jurang budaya antara kedua-dua etnik. Dari segi sejarah, hubungan etnik antara kaum Melayu dan kaum Cina sangat ketara dan erat. Masyarakat Cina di Kelantan secara amnya bersifat lebih 'keMelayuan' berbanding masyarakat Cina di negeri-negeri lain. Hal yang demikian kerana mereka sering terlibat dalam kegiatan yang didominasi oleh masyarakat Melayu tempatan. Hubungan dan integrasi antara pelbagai etnik di Kelantan berlangsung secara damai dan harmoni. Elemen-elemen seperti toleransi agama, interaksi ekonomi dan asimilasi budaya memainkan peranan penting dalam memastikan hubungan yang erat antara etnik.

### **Pengekalan Elemen Tradisi dan Penyesuaian Masyarakat Kelantan**

Meskipun Kelantan dianggap negeri konservatif dari segi budaya dan agama, masyarakatnya mampu menyesuaikan diri dengan cabaran moden dengan masih mengekalkan elemen tradisi. Bahagian ini membincangkan empat elemen yang membentuk dinamik sosial di Kelantan iaitu struktur ekonomi, adat-istiadat, seni budaya tradisional dan hubungan antara etnik.

#### **a) Penyesuaian ekonomi tradisional dengan pemodenan**

Kelantan terkenal dengan ekonomi pertanian tradisional terutama penanaman padi dan getah. Walaupun sektor pertanian masih memainkan peranan penting, ekonomi di Kelantan sedang mengalami peralihan kesan daripada pemodenan dan pengaruh ekonomi luar. Namun, penyesuaian yang dilakukan oleh masyarakat Kelantan mencerminkan gabungan ekonomi

tradisional dengan aktiviti ekonomi moden.

Wanita Kelantan menjadi penggerak ekonomi melalui perniagaan kecil-kecilan di pasar tempatan. Mereka bukan sahaja terlibat dalam perniagaan tetapi memegang peranan penting dalam pengurusan kewangan keluarga. Walaupun peranan wanita sering dikaitkan dengan kerja domestik dan rumah tangga, mereka memainkan peranan besar dalam ekonomi keluarga. Ini menunjukkan terdapat fleksibiliti dalam peranan jantina dalam konteks ekonomi di Kelantan. Ini menjadikan masyarakat Kelantan contoh yang baik bagi kajian ekonomi tradisional dan moden.

Walaupun terdapat perkembangan positif dalam ekonomi wanita dan ekonomi informal, kajian ini juga menunjukkan terdapat jurang ekonomi antara golongan yang terlibat dalam perniagaan kecil-kecilan dengan mereka yang terlibat dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang semakin berkembang. Jurang ini memerlukan kajian yang lebih mendalam tentang bagaimana globalisasi mempengaruhi lapisan masyarakat yang berlainan di Kelantan.

#### b) Ketahanan adat istiadat dalam menghadapi perubahan

Salah satu dapatan utama kajian ini ialah bagaimana adat-istiadat Melayu masih memainkan peranan penting dalam kehidupan seharian masyarakat Kelantan. Adat perkahwinan, pantang larang dan kepercayaan tradisional yang berkait dengan kehamilan dan kelahiran masih diamalkan oleh masyarakat luar bandar walaupun terdapat pengaruh moden dan agama. Pengekalan adat ini dilihat sebagai sebahagian daripada usaha masyarakat mengekalkan identiti budaya.

Kajian menunjukkan bahawa adat istiadat di Kelantan bukan sekadar ritual tetapi berfungsi untuk mengekalkan keseimbangan sosial dalam masyarakat. Sebagai contoh, penyatuan dua keluarga melalui perkahwinan tidak hanya melibatkan pengantin lelaki dan perempuan tetapi seluruh keluarga besar mereka. Ini menunjukkan bagaimana adat memainkan peranan penting dalam mengukuhkan hubungan sosial dan sokongan komuniti. Ini mencerminkan keperluan masyarakat untuk menjaga jaringan sokongan sosial yang rapat terutama dalam konteks perubahan sosial yang pesat.

Walaupun adat resam masih kuat diamalkan, terdapat tanda-tanda sesetengah adat mulai berubah akibat pengaruh luar. Sebagai contoh, adat perkahwinan tradisional semakin dipengaruhi unsur-unsur moden seperti gaya perkahwinan barat. Ini menunjukkan bahawa adat di Kelantan tidak statik malah berkembang sesuai dengan keadaan semasa.

#### c) Kesenian tradisi: warisan atau beban?

Kajian seni tradisi Kelantan seperti wayang kulit, mak yong, dikir barat dan wau bulan menyoroti dua perkara penting iaitu pekekalan warisan budaya dan penentangan terhadap perubahan. Kesenian tradisi ini bukan sahaja sebagai simbol identiti budaya Melayu tetapi sebagai medium pendidikan sosial di Kelantan. Wayang kulit sebagai contoh, tidak hanya berfungsi sebagai hiburan tetapi sebagai medium menyampaikan nilai-nilai agama dan pesan sosial kepada masyarakat.

Walau bagaimanapun, cabaran terbesar bagi seni tradisi ini ialah pengaruh agama dan pemodenan. Terdapat perdebatan sama ada seni tradisi terutamanya mak yong dan wayang

kulit selaras dengan ajaran Islam. Kesenian tradisi ini berhadapan pelbagai sekatan dan larangan atas alasan bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam. Pada masa yang sama, terdapat usaha untuk mengekalkan kesenian tradisi ini sebagai sebahagian daripada warisan kebangsaan terutama melalui sokongan daripada badan-badan kebudayaan tempatan dan antarabangsa. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Kelantan berdepan dengan dilema budaya antara mengekalkan tradisi lama atau menerima perubahan selaras dengan ajaran agama. Bagi sesetengah masyarakat, kesenian tradisi adalah aset budaya yang perlu dilindungi. Manakala sebahagian kecil daripada mereka melihat kesenian tradisi tidak lagi relevan dalam konteks semasa. Oleh itu, cabaran utama adalah bagaimana kesenian tradisi ini dapat diadaptasi tanpa kehilangan identiti asalnya.

#### d) Hubungan dan integrasi antara etnik: kesatuan dalam kepelbagaian

Walaupun terdapat perbezaan budaya dan agama, hubungan antara etnik di Kelantan secara relatifnya adalah harmoni. Masyarakat beretnik Siam dan Cina di Kelantan menyesuaikan diri dengan budaya Melayu tempatan melalui penggunaan bahasa Melayu dan penglibatan dalam aktiviti ekonomi dan sosial bersama komuniti Melayu. Terdapat asimilasi yang signifikan dalam masyarakat Siam dalam aspek penggunaan bahasa Melayu dan integrasi dalam aktiviti kebudayaan tempatan.

Walaupun beragama Buddha, hubungan sosial antara masyarakat Siam dengan masyarakat Melayu adalah kuat dan ini memperlihatkan tahap toleransi agama yang tinggi. Begitu juga masyarakat Cina di Kelantan. Mereka berasimilasi dengan gaya hidup Melayu tempatan. Interaksi ekonomi memainkan peranan besar dalam merapatkan hubungan antara etnik. Pasar-pasar tempatan seperti Pasar Siti Khadijah menjadi tempat di mana pelbagai etnik bertemu, berinteraksi dan menjalankan aktiviti ekonomi bersama. Walaupun terdapat jurang sosial ekonomi yang wujud antara masyarakat Cina dan Melayu, kebergantungan antara satu sama lain dalam aktiviti perniagaan membantu mengekalkan keharmonian etnik di negeri ini.

Namun, kajian ini mendapati hubungan antara etnik, terutama antara Orang Asli dan Melayu agak terhad. Masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman terasing daripada masyarakat arus perdana dan integrasi antara kedua-dua kumpulan etnik ini masih minimum. Terdapat keperluan untuk kajian lanjut mengenai cara memperkukuh hubungan antara masyarakat Orang Asli dengan etnik lain di Kelantan, terutama dalam konteks pembangunan dan perubahan ekonomi sosial.

### **Kesimpulan**

Kajian antropologi yang dijalankan di Kelantan memberi gambaran menyeluruh tentang dinamika sosial, ekonomi dan budaya di negeri ini. Melalui analisis empat tema iaitu struktur ekonomi, adat-istiadat, seni tradisi dan hubungan antara etnik dapat disimpulkan bahawa Kelantan merupakan negeri yang unik daripada segi ketahanan budaya dalam cabaran globalisasi. Secara keseluruhan, kajian ini menegaskan bahawa Kelantan adalah negeri yang kompleks dari segi dinamik sosial dan budaya dengan masyarakatnya berjaya mengekalkan tradisi sambil menyesuaikan diri dengan cabaran-cabaran baru. Kajian lanjut diperlukan untuk memahami impak teknologi moden, globalisasi, dan perubahan ekonomi terhadap masa

depan adat resam dan warisan budaya di Kelantan.

### Rujukan

- Abdul Hamid, F. (2014). Dilema pemeliharaan Dikir Barat di Kelantan dalam arus modenisasi. *Jurnal Kebudayaan Malaysia*, 7(2), 33-47.
- Ab. Ghani, N. (1992). *Kemiskinan di kalangan petani padi: Satu kajian kes di Kampung Surau, Pasir Puteh, Kelantan* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Ahmad, S. A. (2020). Keunikan dan kelangsungan seni persembahan Mak Yong di Kelantan: analisis faktor sokongan kerajaan. *Jurnal Seni dan Warisan Melayu*, 15(4), 76-92.
- Arfin, A. (1990). *Peniaga-peniaga kecil di sempadan Rantau Panjang* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Ariffin, M. (1975). *Integrasi dan asimilasi di bandar Tumpat Kelantan* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Awang, Z. (2003). *Seni persembahan Mak Yong di Kelantan: Warisan budaya dan cabaran kelangsungan*. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Cushman, J. (1993). *Fields from the sea: Chinese junk trade with Siam during the late eighteenth and early nineteenth centuries*. Cornell University.
- Firth, R. (2002). *Malay Fishermen*. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Firth, R. (2020). *Housekeeping among Malay peasants*. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Ghazali, N. (2000). *Peniaga-peniaga kecil: Satu kajian kes di Pasar Gok Kapur, Kg. China, Kota Bharu, Kelantan* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Hasbulah, S. (1998). *Wanita Melayu dalam perniagaan kecil: Kajian kes di Pasir Puteh, Kelantan* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Hassan, N. H. (2018). Seni persembahan Wayang Kulit Kelantan: Perkembangan dan cabaran. *Jurnal Kebudayaan Asia Tenggara*, 20(3), 121-134.
- Hussain, H. (1989). *Peranan buruh wanita dalam industri kecil di Kelantan* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Ibrahim, R. (2004). *Status sosioekonomi peniaga wanita: Kajian kes di kawasan bebas cukai, Pengkalan Kubur, Kelantan* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Ishak, Z. (1999). *Perusahaan batik cop: Satu kajian di Kampung Kubang Tuman* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Kessler, C. S. (1978). *Islam and politics in a Malay state: Kelantan, 1838–1969*. Ithaca, NY: Cornell University Press.
- Koo, B. S. (1987). *Hubungan sosial, agama dan etnik: Suatu kajian di kalangan komuniti peranakan Cina Kampung Peringat, Kota Bharu Kelantan* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

- Lai, S. P. (1997). *Wanita dan perkahwinan di kalangan masyarakat Cina di Kuantan* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Mat Yunus, M. (1977). *Penyertaan wanita dalam lapangan perniagaan di Pasir Mas, Kelantan* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Mohd Ali, A. S. (2024). Penyertaan sosial Cina Muslim Kelantan: Inklusiviti dan eksklusiviti modal sosial. *Journal of Social Transformation and Regional Development*, 6(1), 39-48.
- Nash, M. (1972). Ethnicity, centrality, and education in Pasir Mas, Kelantan. *Comparative Education Review*, 16(1), 4-15.
- Nash, M. (1977). *Peasant citizens: Politics, religion, and modernization in Kelantan, Malaysia*. Ohio University.
- Nawawi, N. (2000). *Mas kahwin dan hantaran di kalangan masyarakat Melayu Pasir Mas, Kelantan* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Nik Mustapha, N. R. (2002). *Adat sebelum dan selepas bersalin: Kajian kes di Tumpat, Kelantan* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Omar, H. (2020). *Evolusi muzik tradisional Kelantan dalam era digital: Kajian terhadap Dikir Barat dan Wayang Kulit*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Rahman, A. H. (2016). *Transformasi seni Mak Yong di Kelantan: Tinjauan terhadap pengaruh globalisasi dan keaslian budaya*. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Roff, W. R. (1974). *Kelantan: Religion, society and politics in a Malay state*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Tan, C. B. (1982). Peranakan Chinese in Northeast Kelantan. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 4(1), 26-52.
- Tuan Ludin, T. N. H. (1983). *Wanita dan pekerjaan: Satu kajian kes di kalangan kerani wanita dalam sektor kerajaan di Kota Bharu, Kelantan* (Latihan Ilmiah). Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Wilkinson, R. J. (1957). Papers on Malay customs & beliefs. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 30(4) (180), 1-87.
- Winzeler, R. L. (1985). *Ethnic relation in Kelantan: A study of the Chinese and Thai as ethnic minorities in a Malay state*. Singapore: Oxford University Press.